

24 OGOS 2017

Taktik suami isteri proses, edar dadah terbongkar

Taktik suami isteri proses, edar dadah terbongkar

PULAU PINANG 23 Ogos - Ikatan perkahwinan yang dibina antara seorang lelaki tempatan dengan warga Vietnam sejak 15 tahun lalu memudahkan mereka menjalankan kerja-kerja memproses dan mengedar dadah di negeri ini dengan cara profesional.

Bagaimanapun, modus operandi berpindah-randah bagi memproses dadah jenis heroin dari satu rumah ke rumah yang lain dapat dikesan polis negeri ini sebelum mereka menyerbu Pangsapuri Kelisa Residensi, Perai di sini kira-kira pukul 4.55 petang Isnin lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk Chuah Ghee Lye berkata, kedua-dua suspek berusia 31 dan 27 tahun ditahan di tempat letak kereta di pangsapuri berkenaan bersama

sebuah beg plastik mengandungi 10 pekot heroin seberat 4.53 kilogram (kg) dipercayai ingin diserahkan kepada pembeli.

Susulan penahanan itu, katanya, polis menyerbu rumah sewa berkenaan yang dijadikan makmal memproses dadah sejak sebulan lalu sebelum menemukan 13 pekot plastik lutsinar dadah jenis sama seberat 5.34kg, lima bungkusan kafein seberat 7.9kg dan 4.15 gram heroin base.

"Dalam serbuan pukul 5.40 petang itu, kita berjaya merampas dadah yang keseluruhannya bernilai RM245,300 dan beberapa peralatan memproses barangan terlarang berkenaan seperti ketu-har dan pengisar.

"Kita turut menyita wang tunai berjumlah RM7,175 dan kereta

jenis Audi dan BMW yang masing-masing bernilai RM22,000 dan RM70,000," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, lelaki yang mempunyai 14 rekod jenayah lampau itu ketika ditahan didapati positif dadah morfin, manakala suspek wanita tidak mempunyai rekod jenayah dan masuk ke negara ini menggunakan pas lawatan yang sah.

"Mereka direman sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan," katanya.

Ghee Lye berkata, pihaknya kini sedang giat memburu seorang lagi suspek yang dipercayai terlibat dalam kes sama.



CHUAH GHEE LYE (dua dari kanan) menunjukkan dadah jenis heroin, kafein dan alatan memproses bahan itu dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AZMAN ASMATIM